

15/08/1997

PM yakin KDNK melebihi lapan peratus

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia boleh mencapai kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melebihi lapan peratus tahun ini walaupun ringgit menghadapi serangan spekulatif.

Perdana Menteri juga yakin negara boleh mengekalkan pertumbuhan ekonomi menakjubkan yang dinikmati sejak 1987 untuk tempoh 30 tahun akan datang.

"Kita akan mencapainya dengan menguruskan ekonomi kita seperti yang dilakukan sejak 1987," katanya selepas majlis ramah mesra dengan penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataannya semalam bahawa kajian semula sistem percukaian negara adalah antara langkah mengehendkan kegiatan spekulasi kewangan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mempunyai langkah tertentu bagi mengatasi tindakan pihak yang terbabit sehingga menjejaskan ringgit.

Menurutnya, kajian semula terhadap sistem percukaian bagi mengehendkan spekulasi kewangan perlu kerana sukar mengesan mereka yang menjual ringgit dalam jumlah yang besar.

"Saya tidak nampak bagaimana mereka ingin menyembunyikan diri... (adakah) mereka menjual satu juta ringgit dan tiada siapa yang akan tahu," katanya sambil mengulangi kenyataannya bahawa, mereka terbabit sengaja menjatuhkan ringgit dan mata wang negara membangun.

(END)